

## **MAJLIS MALAM YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN 2004**

HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR, 24 MAC 2004

Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tunku Abdul Rahman kerana menjemput saya dan isteri untuk hadir di Majlis Malam Yayasan Tunku Abdul Rahman 2004 ini.

2. Majlis ini mengingatkan saya kembali kepada majlis malam yayasan yang diadakan bagi kali pertamanya pada tahun 1979 bagi menyambut ulang tahun keputeraan yang ke-76 YTM Tunku Abdul Rahman. Tetamu kehormat majlis itu ialah YTM Tunku sendiri.

3. Saya berbangga kerana majlis malam yayasan ini kini menjadi acara tahunan seperti yang di cadangkan.

4. Negara kita amat bertuah kerana majlis-majlis seperti ini tetap dihadiri oleh badan-badan korporat dan individu-individu yang murah hati yang suka berbakti kepada masyarakat. Dengan sokongan ini maka dapatlah Yayasan ini membantu generasi muda untuk mendapat pendidikan tinggi di institusi-institusi awam dan swasta, fungsi dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya sejak saya menjadi pengerusinya (1974 – 1977).

5. Melalui majlis seperti ini juga dapatlah semua pihak - kerajaan dan swasta - menghargai dan menyanjung khidmat almarhum Tunku dengan memberi sumbangan dan derma untuk aktiviti-aktiviti yayasan.

6. Di samping itu majlis ini juga dapat memperingati kita dan generasi muda, terutamanya pelajar akan khidmat dan jasa pemimpin yang menyumbang kepada pembentukan bangsa dan Negara Malaysia.

7. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada yayasan; lembaga pemegang amanah dan pihak pengurusannya kerana yayasan terus meningkat maju walaupun tidak mendapat peruntukan atau geran daripada kerajaan. Saya difahamkan kedudukan kewangannya kukuh walaupun pernah terjejas dengan kegawatan ekonomi negara tidak lama dahulu. Bilangan pelajar yang diberi pinjaman juga bertambah dari setahun ke setahun. Di samping itu yayasan juga mampu menukarkan pinjaman kepada dermasiswa bagi peminjam yang mendapat ijazah kepujian kelas pertama. Insentif seperti ini tentunya memberi semangat kepada peminjam-peminjam yayasan untuk mencapai peringkat kecemerlangan.

8. Di samping memberi pinjaman, saya juga berharap yayasan dapat terus menawarkan biasiswa khas seperti biasiswa Tunku Abdul Rahman yang pernah ditawarkan di masa lalu; khususnya dalam bidang sains dan teknologi. Kalau kos untuk menghantar ke universiti luar negara tinggi setidak-tidaknya yayasan membiayai dua atau tiga orang pelajar setahun di IPTA atau IPTS dalam negara. Ini tentunya akan mengharumkan lagi nama Yayasan Tunku Abdul Rahman.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Hari ini pelajar-pelajar di negara kita sepatutnya bersyukur. Mereka bukan sahaja mempunyai peluang dan pilihan yang luas dan banyak untuk menikmati pendidikan

tinggi bahkan mereka boleh mendapat bantuan kewangan daripada banyak sumber. Selain PTPTN yang membiayai sebahagian besar pelajar-pelajar di IPT kerajaan-kerajaan negeri, bank, badan korporat dan yayasan-yayasan seperti ini turut serta memberi sumbangan terhadap peningkatan ilmu di kalangan ahli-ahli masyarakat. Sebenarnya, sesiapa sahaja yang mempunyai cita-cita dan kebolehan boleh meningkatkan tahap pengajian mereka dengan bantuan oleh pelbagai pihak.

10. Saya harap pelajar-pelajar yang sudah berjaya akan memberi sumbangan kepada badan-badan yang membantu mereka, lebih-lebih lagi organisasi yang tidak mendapat bantuan kerajaan seperti Yayasan Tunku Abdul Rahman. Inilah satu cara untuk menunjukkan kesyukuran mereka dan tanda mengenang budi terhadap pihak yang membantu mereka. Amatlah malang dan memalukan kalau ada di kalangan siswazah yang sudah berjaya dan hidup agak selesa, bukan sahaja tidak mahu memberi sumbangan malah liat membayar balik hutang mereka dengan memberi pelbagai alasan.

11. Pada kesempatan yang ada ini, saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada sebelas orang siswazah 2003 yang dipilih untuk menerima "Pingat Tunku 2004" malam ini. Saya berharap kecemerlangan mereka dalam bidang akademik dan kokurikulum akan diperkukuhkan lagi dengan kemahiran, ketrampilan dan nilai-nilai murni/universal serta akhlak mulia agar mereka boleh jadi warganegara yang berguna dan mampu memberi kepimpinan kepada golongan muda dan masyarakat.

12. Sehubungan dengan itu saya ingin menyeru agar para dermawan dan pemimpin badan korporat dan industri serta agensi-agensi kerajaan terus membantu badan-badan amal seperti Yayasan Tunku Abdul Rahman. Selain daripada sumbangan sempena malam amal seperti ini, saya harap mereka juga dapat memberi sumbangan tetap seperti PNB dan Selangor Turf Club. Dengan cara ini lebih ramai masyarakat pelajar dapat dibantu dan lebih banyak aktiviti dapat dirancang oleh yayasan.

13. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yayasan Tunku Abdul Rahman, khususnya jawatankuasa pengelola yang dipimpin oleh YBhg Tan Sri Mohamad Khir Johari dan warga yayasan kerana menjemput saya dan isteri menghadiri majlis malam yayasan 2004 ini.